

**PERANAN PENDIDIKAN TERHADAP MOBILITI SOSIAL KOMUNITI
IBAN LUAR BANDAR DI DAERAH KECIL SPAOH, SARAWAK: SATU
KAJIAN FENOMENOLOGI**

*(The Role of Education on Rural Iban Community Social Mobility in Spaoh, Sarawak: A
Phenomenological Study)*

Novel Lyndon, Hubert Ron Ragam & Mohd Helmi Abd. Rahim

ABSTRAK

Mobiliti sosial adalah satu proses perubahan atau pergerakan seseorang atau sesuatu kelompok daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam sesebuah masyarakat dan boleh berlaku antara generasi dan juga secara inter generasi. Dimensi pendidikan dilihat sebagai antara faktor yang paling utama mempromosikan mobiliti sosial sesebuah komuniti khususnya terhadap komuniti luar bandar. Oleh itu, fokus utama kajian ini ialah untuk meneliti makna pendidikan daripada pandangan dunia komuniti Iban luar bandar dan bagaimana pandangan komuniti ini terhadap pendidikan menjadi agen kepada perubahan status sosial dan ekonomi. Ontologi idealis dan epistemologi interpretisme telah digunakan dalam kajian ini. Data dalam kajian ini dikumpul menggunakan kaedah temubual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta. Teknik persampelan bertujuan dan snowball telah digunakan dalam memilih informan dalam kajian ini. Jumlah informan dalam kajian ini adalah sejumlah 20 orang dan jumlahnya ditentukan berdasarkan ketepuan data. Kesahihan dan kebolehpercayaan data kajian ini ditentukan menggunakan pendekatan penyemakan tema dengan komuniti. Hasil kajian mendapati makna pendidikan menurut komuniti Iban luar bandar dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu makna ekonomi, status sosial atau hierarki, prestij, kebanggaan dan kelangsungan hidup. Hasil kajian juga mendapati pandangan komuniti ini terhadap pendidikan telah membantu mereka untuk keluar daripada arus kemiskinan dan meningkatkan kedudukan sosial mereka dalam struktur sosial masyarakat moden. Kesimpulannya, pandangan komuniti Iban luar bandar terhadap pendidikan telah membantu mewujudkan empat kriteria utama dalam pembentukan susun lapis masyarakat etnik Iban luar bandar iaitu kekayaan, kekuasaan, kehormatan dan ilmu pengetahuan atau tahap pendidikan.

Kata Kunci: Mobiliti Sosial, Etnik Iban, Pendidikan, Sosiologi, Pembangunan Komuniti

ABSTRACT

Social mobility is a process of change or movement of a person or group from one position to another in a society and can occur between generations and also between intergenerational. The dimensions of education are seen as among the most prominent factors in promoting the social mobility of a particular community, especially towards the rural community. Hence, the main focus of this study is to examine the meaning of education from the world view of the Iban community and how this community's view of education becomes an agent of change in social

and economic status. The idealist and epistemological interpretation of ontology has been used in this study. The data in this study were collected using in-depth interviews and non-participating observations. A purposeful sampling technique and snowball have been used in selecting informants in this study. The number of informants in this study was 20 and the number was determined based on data saturation. The validity and reliability of this research data were determined using a theme review approach with the community. The findings show that the meaning of education according to the rural Iban community in this study can be divided into five types such as economic meaning, social status or hierarchy, prestige, pride and survival. The findings also found that this community's view on education has helped them to escape from poverty and improve their social status in the social structure of the modern society. In conclusion, the views of the rural Iban community on education have helped create four key criteria in the formulation of layers of rural Iban ethnic communities namely wealth, power, honor and knowledge or education level.

Key Words: Social Mobility, Iban Ethnic, Education, Sociology, Community Development

PENGENALAN

Secara tradisional, etnik Iban mendiami rumah panjang yang boleh dilihat seperti sebuah kampung di bawah satu bumbung dan kumpulan di rumah panjang tersebut biasanya akan bersatu di bawah seorang pemimpin (Sim dan Khan, 2014). Menurut Jayum (1996), rumah panjang merupakan satu siri bilik atau ruang keluarga yang bergabung bersama-sama untuk membentuk sebuah rumah panjang. Purata sebuah rumah panjang terdiri daripada 30 buah keluarga, dan dianggarkan sepanjang 180 meter, yang terdiri daripada bilik keluarga sebagai bilik, serta berbaris bersebelahan antara bilik lain bersama dengan beranda atau ruai yang mengiringi sepanjang rumah panjang (Sim dan Khan, 2014). Oleh yang demikian, tempat tinggal juga dapat dilihat sebagai penentu utama identiti etnik Iban kerana rumah panjang merupakan pusat pelbagai fungsi bagi masyarakat Iban tradisional (Postill 2000). Manakala, pendidikan lokal atau tradisional pula dilihat sebagai petunjuk kepada mobiliti sosial. Pendidikan lokal atau tradisional ini merujuk kepada pendidikan tentang alam dan hubungan etnik ini dengan alam dan tuhan. Secara umumnya, kebanyakan etnik pribumi di dunia mendefinisikan diri mereka sebagai sebuah etnik apabila anggota masyarakatnya mengamalkan kebudayaan yang sama yang mencakupi jati diri, nilai patriotisme dan norma sosial (Abdullah, 2009). Menurut Berry (2005), istilah budaya merujuk kepada kepercayaan, nilai dan norma, adat, pakaian, pemakanan, pengetahuan dan kemahiran, serta semua perkara lain yang dipelajari bagi membentuk cara hidup masyarakat yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui proses sosialisasi. Manakala King (2010), Hasni Zakaria dan Novel Lyndon (2014) pula menyatakan unsur-unsur utama etnik dan identiti adalah kebudayaan yang terdiri daripada nilai-nilai, kepercayaan, dan tingkah laku serta makna yang diberikan atau dilampirkan. Selain itu, identiti budaya sesuatu masyarakat itu juga dibina oleh kelompok itu sendiri, bukannya gambaran yang diberikan oleh orang luar (Cheng Im, 2012). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa budaya mempunyai kaitan rapat dengan konsep identiti dan etnik sesebuah komuniti.

Secara umumnya, etnik Iban masih lagi mengekalkan cara hidup berasaskan nilai yang diwarisi daripada nenek moyang walaupun sebilangan besar mereka telah menganuti agama

Kristian (Catherine Bilon et al. 2016). Hal ini termasuklah perayaan yang disambut oleh etnik Iban setiap tahun iaitu Hari Gawai dan Krismas. Perayaan Hari Gawai bagaimanapun merujuk kepada kategori yang rumit, kompleks, dan berprestij bagi aktiviti ritual etnik Iban (Sim dan Khan, 2014). Dalam masa yang sama, ia juga menunjukkan kepada perubahan status sosial atau mobiliti sosial komuniti ini (Barret, 1993). Hal ini ada kaitan jumlah hasil yang diperolehi dan jumlah hasil ini kemudiannya menjadi penentu kepada taraf hidup dan kedudukan seseorang itu dalam komuniti. Secara asasnya, Perayaan Gawai terbahagi kepada tiga, iaitu *Gawai Antu* atau ritual untuk roh yang telah pergi, *Gawai Bumai* atau ritual berkenaan dengan pertanian, dan *Gawai Amat* atau festival ritual yang rasmi. Walaubagaimanapun, Mohd Shuhaimi (2010), turut menyatakan bahawa Hari Gawai merupakan perayaan yang disambut oleh etnik di Sarawak pada akhir musim menuai padi. Hujar beliau, upacara ini dilakukan untuk menghormati lawatan mistik dewa kesuburan yang dipercayai memakbulkan doa dan pengorbanan mereka dengan menawarkan hasil yang lumayan serta memberi perlindungan kepada komuniti. Maka, dalam kajian ini, perkara yang hendak diteliti ialah sejauhmanakah peranan pendidikan telah berjaya mengambil alih peranan hasil padi dalam menentukan mobiliti atau kedudukan seseorang dalam masyarakat. Seterusnya, bagaimanakah perubahan ini kemudiannya telah mempengaruhi mobiliti sosial komuniti etnik Iban dan sejauhmanakah pendidikan berupaya menjadi dimensi utama mobiliti sosial etnik Iban luar bandar. Persoalan-persoalan ini merupakan fokus utama kajian ini.

PENDIDIKAN DAN MOBILITI SOSIAL ETNIK IBAN SECARA SEPINTAS LALU

Secara umumnya, ahli antropologi melihat konsep pendidikan sebagai satu agen sosialisasi yang membantu manusia untuk mengetahui lebih banyak tentang dunia, berfikir di luar kotak, menjadi lebih bijak mengenai sumber maklumat baru dan membangunkan kemahiran komuniti yang sedia ada dan dikembangkan berdasarkan pendidikan formal yang dijana daripada tuntutan proses modenisasi (Joseph, 2005; Li et al. 2016). Pengetahuan lokal biasanya dikenali sebagai pengetahuan tentang hubungan antara alam dan manusia, antara manusia dan manusia dan antara alam, manusia dan tuhan (Li et al. 2016). Pengetahuan ini diterima dan dibangunkan oleh komuniti ini hasil daripada adaptasi budaya lokal dan persekitaran serta pendidikan bukan formal yang diterima atau dibangunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Sehubungan dengan itu, penentuan status sosial atau mobiliti sosial komuniti pribumi seringkali dihubungkan dengan tahap pengetahuan lokal, hasil pertanian, hubungan dengan tuhan dan alam semulajadi. Bertitik tolak daripada itu, kehidupan harian atau aktiviti utama etnik Iban luar bandar lebih banyak berurusan dengan tanah dan pengetahuan lokal mereka. Atas sebab itu, konsep rasa kepunyaan dan penglibatan komuniti amat penting dalam kehidupan harian mereka. Menurut Ryoji (2006), etnik Iban sangat terkenal sebagai orang yang tinggal di kawasan hutan negeri Sarawak dan mengamalkan kegiatan pertanian. Selain itu, etnik Iban di Sarawak juga tergolong dalam kumpulan etnik yang sama, mempunyai asal usul yang sama, berkongsi budaya yang sama, dan mengamalkan aktiviti pertanian yang lebih kurang sama seperti penanaman padi (Joseph, 2005). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kegiatan penanaman padi merupakan kegiatan utama etnik Iban dalam kehidupan seharian. Selain daripada penanaman padi, etnik Iban juga turut bergantung kepada hasil sungai seperti menangkap ikan dan permainan dengan memburu yang boleh didapati di hutan dengan banyak (Taschi dan Tareef, 2014). Dalam erti kata lain, aktiviti menangkap ikan dan memungut hasil hutan. Justeru, gaya hidup juga turut diambil kira

sebagai penanda identiti dan mobiliti sosial dalam kajian ini kerana aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh etnik Iban adalah berdasarkan alam semulajadi iaitu hutan dan sungai seperti kegiatan penanaman padi, menangkap ikan, dan memungut hasil hutan bagi memperolehi hasil keuntungan.

Semasa pemerintahan Brooke, pendidikan bertujuan untuk mendidik etnik asal di Sarawak kepada pendidikan formal yang lebih terarah, tersusun dan bersifat moden berasaskan institusi melalui penubuhan sekolah mubaligh di seluruh rantau itu (Barret 1993). Hal ini kerana pendidikan merupakan medium penting dalam mencorak mobiliti sosial sesuatu bangsa atau kaum (Catherine Bilon et al. 2016). Walaubagaimanapun, sebelum pemerintahan rejim Brooke pada 1841, telah wujud satu sistem pendidikan tidak formal atau sistem pendidikan tradisional dalam kalangan etnik di Sarawak (Najihah, 2008). Sistem pendidikan tradisional ini lebih bersifat pendidikan tentang alam rimba, persekitaran sosial dan hubungan dengan tuhan serta sesame manusia. Menurut Grant (1997), Hasni Zakaria dan Novel Lyndon (2014) dan Iannelli dan Paterson (2005) dalam era moden sekarang ini manusia menerima pendidikan melalui aktiviti-aktiviti keilmuan secara formal iaitu melalui institusi awam seperti sekolah dan secara tidak formal iaitu pendidikan awal yang diterima oleh kanak-kanak melalui institusi kekeluargaan dan institusi pendidikan. Atas dasar tersebut, selepas kemerdekaan, Malaysia terus melangkah untuk membina sistem pendidikan negara yang beracuan Malaysia (Hasni Zakaria dan Novel Lyndon, 2014). Hal ini termasuklah perkembangan pendidikan di negeri Sarawak dari tahun ke tahun dengan kian bertambahnya sekolah untuk menampung keperluan pendidikan warga Sarawak (Jerie dan Zamri, 2011). Justeru itu, pendidikan telah dilihat sebagai agen perubahan yang memberi pengaruh besar terhadap mobiliti sosial masyarakat di Sarawak khususnya masyarakat luar bandar.


Dari segi sejarahnya, kedatangan penjajah juga turut memberi ruang dan landasan kepada perkembangan pendidikan dan telah mewarnai perkembangan sistem pendidikan tempatan (Kwok dan Haris, 2014). Justeru, masyarakat di Sarawak juga boleh dikatakan kerap mengalami perubahan dari segi dasar pendidikan dan peranan dasar pendidikan ini dalam mencorak mobiliti sosial komuniti ini. Namun, penukaran dasar pendidikan dari semasa ke semasa akibat daripada penjajahan dan kemudian pembentukan Malaysia telah memberi kesan kepada bahasa pengantar, yang sedikit sebanyak cenderung untuk dipengaruhi bahasa itu apabila selalu diamalkan (Maya dan Dealwis 2008). Memandangkan pendidikan merupakan salah satu alat penting pembinaan negara, maka nilai-nilai etnik majoriti dominan sering disalurkan menerusi kurikulum pendidikan demi mencapai tujuan pembinaan negara (Tan, 1997; Postill, 2000). Maka, pada zaman penjajah, medium perantaraan atau bahasa yang digunakan dalam penyampaian pendidikan adalah berbeza dengan zaman selepas merdeka. Walaubagaimanapun, kedua-dua medium ini bukanlah medium yang digunakan oleh etnik Iban, iaitu bahasa Iban. Akan tetapi, hampir semua kanak-kanak etnik Iban sekarang adalah sebahagian daripada sistem persekolahan nasional yang bersepadu ke arah pembinaan negara oleh guru-guru di luar bandar melalui penggunaan buku teks secara besar-besaran, dan kebanyakkan daripadanya dalam bahasa Melayu (Postill, 2000). Oleh itu, etnik Iban juga turut membiasakan diri dengan perubahan yang dilakukan oleh penggubal dasar pendidikan supaya dapat mencapai objektif dasar pendidikan negara yang selari dengan pembinaan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Pemerihalalan Kawasan Kajian

Spaoh merupakan bandar kecil dan sebuah sub-daerah di bahagian Betong negeri Sarawak, yang sebelumnya dikenali sebagai daerah Saribas. Bandar Spaoh telah ditubuhkan oleh etnik Cina Hakka pada tahun 1946. Aktiviti ekonomi yang utama masyarakat di Spaoh adalah berkebun. Kebanyakan pekebun di situ melakukan aktiviti menanam padi, lada hitam, dan ada segelintir yang menoreh getah. Di bawah daerah kecil Spaoh ini juga terdapat perkampungan masyarakat etnik Melayu, Iban, dan Cina. Di sini terdapat 32 buah rumah panjang dan 14 kampung etnik Melayu. Walaubagaimanapun, kebanyakan masyarakat di Spaoh berinteraksi menggunakan bahasa Iban, yang juga turut difahami oleh etnik Melayu dan etnik Cina. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan 2010, jumlah penduduk yang menetap di Spaoh adalah sekitar 12,000 orang, dengan majoriti penduduknya adalah etnik Melayu, seterusnya diikuti dengan etnik Iban dan etnik Cina (Sarawak, 2010).





Metod

Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi berasaskan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionisme. Fokus utama dalam pendekatan fenomenologi ialah untuk menghuraikan dan mendeskripsikan pengalaman dan pengetahuan aktor sosial tentang sesuatu konsep berdasarkan pandangan dunia mereka dan bukannya pandangan dan persepsi penyelidik. Temubual antara penyelidik dan informan ini memberi fokus terhadap makna pendidikan menurut pandangan mereka dan bagaimana makna pendidikan ini membantu mereka untuk menjalankan proses mobiliti sosial yang dikelilingi oleh struktur sosial masyarakat. Kebanyakan daripada temubual yang dijalankan mengambil masa selama dua jam hingga ke tiga jam dan terdapat juga sesetengah daripada temubual yang dijalankan mengambil masa yang agak lama. Data kajian ini dikutip menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan dan snowball. Sejumlah 20 orang etnik Iban luar bandar di Daerah Kecil Spaoh telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Antaranya ialah informan tersebut mesti mengalami mobiliti sosial dan tinggal di kawasan luar bandar. Tahap pendidikan dan jenis pekerjaan tidak diambil kira sebagai syarat utama untuk menjadi informan kajian. Data dikutip menggunakan kaedah temubual mendalam dan panduan soalan telah dibentuk untuk membantu dalam proses temubual. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang

berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepatan teoritikal. Menurut Blaikie (2000) dan Neuman (2006) ketepatan teoritikal berlaku atau terjadi apabila tidak terdapat sebarang tema atau kategori baru yang muncul dan tidak terdapat data yang relevan yang boleh membincangkan atau bertindak terhadap kategori yang wujud. Kesemua temubual akan ditranskripsikan dan diformatkan untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data Nvivo dan digunakan untuk mencipta kategori dan untuk mengindeks data.

Makna Pendidikan Menurut Pandangan Dunia Etnik Iban Luar Bandar

Institusi pendidikan merupakan sebuah institusi sosial yang mampu mendidik pelajarnya untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang telah ditetapkan oleh sesebuah kerajaan dalam negara. Dalam konteks kajian ini, pendidikan lebih merujuk kepada pendidikan formal iaitu sekolah-sekolah yang telah ditubuhkan selepas kemerdekaan. Manakala, pendidikan tidak formal pula merujuk kepada pendidikan yang dijana daripada pengetahuan lokal atau pengetahuan pribumi yang diwarisi dan diperturunkan oleh nenek moyang yang diberikan kepada anak muda sebelum wujudnya sekolah-sekolah kerajaan. Hal ini juga turut memberi impak kepada mobiliti sosial etnik Iban yang dahulunya lebih dikenali sebagai masyarakat yang ringkas sehingga menjadi masyarakat kompleks atau masyarakat industri. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan etnik Iban luar bandar berpandangan bahawa makna pendidikan boleh dibahagikan kepada lima tema utama iaitu makna ekonomi, status sosial, prestij, kebanggaan dan kelangsungan hidup. Makna ekonomi merujuk kepada jumlah pendapatan, pemilikan kekayaan dan jenis pekerjaan. Makna status sosial pula merujuk kepada kedudukan mereka dalam masyarakat dan makna prestij pula merujuk kepada martabat dan penghormatan sosial dalam masyarakat. Selanjutnya, kebanggaan pula merujuk kepada perasaan dan kepuasan yang timbul hasil daripada prestasi dan pencapaian dalam masyarakat. Akhir sekali makna kelangsungan hidup merujuk kepada kemampuan beradaptasi dengan perubahan persekitaran, kemampuan untuk bertindakbalas dengan ruang lingkup kehidupan komuniti tersebut dan kemahiran dalam berurusan dengan perubahan struktur sosial masyarakat. Hasil kajian juga mendapati pandangan komuniti ini terhadap pendidikan telah membantu mereka untuk keluar daripada arus kemiskinan dan meningkatkan kedudukan sosial mereka dalam struktur sosial masyarakat. Dalam masa yang sama juga peningkatan dalam pendidikan telah membantu mereka untuk bergerak ke arah mobiliti sosial menegak. Perkara ini telah dijelaskan oleh beberapa orang responden yang menyatakan bahawa pencapaian cemerlang mereka dalam pendidikan telah membantu mereka bergerak ke kelas sosial menengah berbanding sebelum ini yang lebih bersifat mobiliti mendatar. Dengan erti kata lain, kalau ayah dan emak dia menjadi petani, maka dia akan menjadi petani. Misalannya, R1 dalam kenyataannya menyatakan bahawa kecemerlangan beliau dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah membantu meningkatkan mobiliti sosial beliau dan dalam masa yang sama membantu meningkatkan taraf hidup keluarga mereka. Hal ini kerana kerjaya beliau sebagai seorang jurutera telah meningkatkan kuasa beli dan kemampuan beliau dalam pemilikan aset dan hartanah. Senario ini, telah menggambarkan bahawa peningkatan dalam tahap pendidikan mampu memberi kehidupan yang lebih baik berbanding dengan sebelumnya yang lebih banyak bergantung kepada hasil pertanian dan harga hasil pertanian di pasaran.

Perkara yang sama juga turut dinyatakan oleh R2 dalam kenyataannya yang menyatakan bahawa makna pendidikan menurut komuniti Iban sekarang ini adalah berasaskan nilai ekonomi.

Dengan adanya pendidikan seseorang itu mudah mendapat pekerjaan sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta atau bekerja sendiri. Hal ini kerana dalam mana-mana iklan pekerjaan, kriteria utama yang diperlukan ialah tahap pendidikan. Malah pendidikan bukan hanya terhad dari segi memudahkan untuk mendapat pekerjaan tetapi juga membantu seseorang itu untuk berniaga dan menguruskan kewangan rumah tangga mereka. Justeru itu, rata-rata informan menyatakan bahawa pemahaman mereka tentang pendidikan sekarang ini adalah bersifat ekonomi, meningkatkan status sosial mereka dalam struktur sosial masyarakat luar bandar dan membantu kelangsungan hidup mereka sebagai masyarakat industri dalam berhadapan dengan perubahan ekonomi dunia dan arus globalisasi. Hasil kajian juga menunjukkan dalam kesepuluh informan yang ditemubual, kesemua informan menunjukkan betapa pentingnya pendidikan bagi mereka dan keingin untuk mendapatkan pendidikan tertinggi adakah digalakkan untuk meningkatkan mobiliti sosial mereka dalam masyarakat. Keadaan ini ada kaitannya dengan kedudukan dan nilai prestij yang diterima oleh mereka dalam struktur sosial masyarakat etnik Iban. Masyarakat Iban luar bandar meletakkan kedudukan yang tinggi untuk anak atau rakan mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Tambahan pula, terdapat satu fenomena di mana seseorang yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi pastinya akan mendapat jawatan atau pangkat yang tinggi dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Nilai kedudukan dan prestij yang tinggi ini menyebabkan masyarakat Iban luar bandar amat mementingkan pendidikan formal di samping pendidikan agama Kristian. Perkara ini telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh R3, R4, R5, R6 dan R7. Kesemua mereka berpandangan bahawa nilai yang diberikan terhadap pendidikan telah mengubah lanskap kehidupan masyarakat Iban. Jika dulu, keluasan tanah dan kemahiran berburu merupakan kayu ukur kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat, namun, keadaan tersebut telah berubah semenjak wujudnya sistem pendidikan formal. Hal ini kerana mereka bertanggapan bahawa memiliki pendidikan yang tinggi akan memudahkan mereka menjawat jawatan yang berpendapatan lumayan dan mampu mengubah kehidupan hidup keluarga dan kampung mereka. Sehubungan dengan itu, adalah sesuatu yang tidak menghairankan apabila rata-rata informan dalam kajian ini melihat makna pendidikan telah mengubah pandangan mereka tentang kehidupan dan membantu mereka mengalami proses mobiliti sosial yang menegak dan antara generasi. Situasi ini telah dinyatakan dengan panjang lebar oleh R10 yang menyatakan bahawa, aspek pendidikan telah mengubah keseluruhan sistem sosial masyarakat Iban daripada tradisional kepada masyarakat industri. Pendidikan bukan lagi dilihat sebagai keperluan sampingan tetapi telah dijadikan sebagai keperluan asas komuniti Iban. Justeru itu, bagi masyarakat Iban, pendidikan adalah agen perubahan yang membantu mereka keluar daripada arus kemiskinan di mana nilai ekonomi, prestij, kedudukan, kebanggaan dan kelangsungan hidup dijadikan sebagai ukuran dalam mencapai kualiti hidup. Perkara ini telah dikongsikan dengan teliti oleh R8, R9, R10, R11, R12, R13 dan R14 apabila diminta untuk menilai peranan pendidikan terhadap mobiliti sosial komuniti Iban luar bandar. Berikut adalah merupakan kenyataan salah seorang daripada informan tersebut:

Pendidikan adalah keperluan yang amat penting untuk keluar daripada arus kemiskinan. Pendidikan ada nilai ekonomi, sosial dan meletakkan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Tidak ada pendidikan susah mahu hidup dalam keadaan dunia sekarang di mana wang adalah paling penting dalam kehidupan. Pergi tandas pun guna wang. Semua urusan perlukan wang. Kalau dulu boleh bangga dengan luas tanah yang kita miliki, tetapi sekarang mesti ada wang

dalam tangan. Baru senang hati. Pendidikan juga boleh membantu kita bersaing dengan etnik lain. Contohnya dengan Etnik Cina dalam perniagaan.

Secara keseluruhannya, petunjuk utama yang membawa kepada mobiliti dalam masyarakat Iban luar bandar boleh dibahagikan kepada empat jenis yang utama iaitu faktor pendapatan, perkahwinan, perubahan tempat tinggal dan perubahan tingkah laku. Mobiliti sosial yang berlaku akibat daripada faktor pendapatan merujuk kepada perubahan taraf hidup hasil daripada peningkatan dalam pendapatan atau pencapaian tanpa mengubah atau menukar status seseorang secara tiba-tiba tetapi menampakkan ada peningkatan dalam kehidupan. Contohnya dari segi pemilikan harta yang bersifat material atau kebendaan. Seterusnya dari segi perkahwinan pula adalah berasaskan kepada perubahan status sosial hasil daripada perkahwinan dengan etnik lain yang berada di luar kawasan kampung yang mempunyai kedudukan atau taraf hidup yang lebih baik. Hal ini dinyatakan oleh seorang informan R20 yang menyatakan bahawa “ramai wanita etnik Iban di kawasan ini telah berkahwin dengan etnik lain seperti etnik Cina yang lebih baik dari segi taraf hidup mereka. Perkahwinan mereka dengan etnik Cina dan etnik yang lain mempunyai taraf hidup yang lebih baik telah sedikit sebanyak membantu mereka keluar daripada kemiskinan”. Manakala perubahan tempat tinggal pula adalah merujuk kepada perubahan yang berlaku terhadap rumah kediaman mereka yang sebelum ini agak ringkas tetapi apabila ada peningkatan dalam taraf hidup maka rumah kediaman mereka ini telah bertukar menjadi rumah besar yang baru dan cantik. Akhir sekali ialah perubahan tingkah laku yang merujuk kepada penampilan, imej, cara berpakaian, penggunaan Bahasa Inggeris dalam percakapan dan cara membawa diri. Keadaan ini berlaku hasil daripada peranan pendidikan yang telah membantu menghasilkan tiga jenis mobiliti sosial yang berlaku dalam masyarakat Iban luar bandar. Keempat-empat jenis mobiliti sosial tersebut ialah mobiliti sosial mendatar, mobiliti sosial menegak, mobiliti sosial intragenerasi dan akhir sekali mobiliti sosial antaragenerasi. Mobiliti sosial mendatar merujuk kepada pergerakan seseorang dari satu kedudukan sosial kepada yang lain dalam status yang sama dan perubahan dari segi kelasnya, prestij dan hieraki yang sama. Manakala, mobiliti sosial menegak adalah merupakan pergerakan seseorang dari satu kedudukan sosial kepada yang lain dalam status yang berbeza. Pendek kata dalam mobiliti sosial jenis ini akan berlaku perubahan dalam kedudukan status seseorang itu dari segi kelas, prestij dan hieraki. Seterusnya, mobiliti sosial intragenerasi pula berkaitan dengan mobiliti yang dialami oleh seseorang dalam satu generasi dan yang terakhir ialah mobiliti sosial antaragenerasi. Mobiliti sosial jenis ini berkait dengan mobiliti yang melibatkan dua generasi.

Kesimpulan Kajian

Terdapat empat kesimpulan yang boleh diperolehi dalam kajian ini. Kesimpulan yang pertama ialah makna pendidikan menurut komuniti Iban luar bandar dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada lima jenis yang utama iaitu makna ekonomi, status sosial atau hieraki, prestij, kebanggaan dan kelangsungan hidup. Kesimpulan yang kedua pula ialah pandangan komuniti ini etnik Iban terhadap pendidikan telah membantu mereka untuk keluar daripada arus kemiskinan dan meningkatkan kedudukan sosial mereka dalam struktur sosial masyarakat moden kesan daripada proses modenisasi. Keadaan ini telah membantu mewujudkan empat kriteria utama dalam pembentukan susun lapis masyarakat etnik Iban luar bandar iaitu kekayaan, kekuasaan, kehormatan dan ilmu pengetahuan atau tahap pendidikan. Kesimpulan yang terakhir ialah terdapat empat jenis mobiliti sosial yang terbentuk dalam masyarakat etnik Iban iaitu mobiliti

sosial mendatar, mobiliti sosial menegak, mobiliti sosial intragenerasi dan akhir sekali mobiliti sosial antaragenerasi.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia melalui peruntukan Kursi Endowmen MPOB-UKM, Kod Projek: EP-2017-034 yang membolehkan kajian ini telah dijalankan dengan lancar dan sempurna.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di persimpangan: antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemusiaan* 16: 59-81.
- Barrett, R. 1993. Performance, effectiveness and the Iban Manang. In Robert Winzeler (ed.) *The seen and the unseen: shamanism, mediumship and possession in Borneo* (Borneo Research Council, Monograph Series No. 2), pp.231–275. Williamsburg, Virginia: Borneo Research Council.
- Berry, J.W. 2005. Acculturation: Living successfully in two cultures. *International Journal of Intercultural Relations*. Volume 29: 697-712.
- Blaikie N. 2000. *Designing social research*. Polity Press, Cambridge.
- Catherine Bilon, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. 2016. *Persekitaran sosial dan sikap remaja etnik Iban terhadap pendidikan*. International Conference on Education and Regional Development. Bandung, Indonesia. 31 Oktober & 1 November
- Cheng Im, T. 2012. *Managing a plural society: Issues and challenges of multiculturalism in Malaysia*. The Asian Conference on Cultural Studies Official Conference Proceedings, hlm. 58-68.
- Hasni Zakaria & Novel Lyndon. 2014. Identiti budaya dan bahasa etnik Melayu Thesaban Takbai, selatan Thailand: satu analisa fenomenologi. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*. Volume 10(6): 148-155.
- Iannelli, S & Paterson, R. 2005. Does education promote social mobility? *Education and Social Mobility in Scotland in the 20th Century*. Volume 35: 1-4.
- Jayum Jawan. 1996. Conflict resolution through consensus building: Experience from the Dayak Iban community of Sarawak, East Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, vol 4(2): 121-127.
- Jerry Peter Langan & Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Volume 1(1): 13-25.
- Joseph T. 2005. Quality in Early Childhood Education: An Anthropologist's Perspective. *Early Education and Development*, vol 16 (4):41-60.
- King, V.T. 2010. *Cultural and identity: Social science and modern Southeast Asia*. Corporate Talk. Perak: Penerbit Universiti Teknologi Mara
- Kwok Chin Hoe & Haris Abdul Wahab. 2014. Pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di daerah Song, Sarawak. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*. Volume 10(1): 87-93.
- Li Shexue, Easterby M, Marjorie S & Clark T. L. 2016. Tapping the power of local

- knowledge: a local-global interactive perspective. *Journal of World Business*, vol 51 (4): 641-653.
- Maya Khemlani David & Caesar Dealwis. 2008. Why shift? Focus on Sabah and Sarawak. *Journal of Pregledni Clanak*. Volume 66: 261-276.
- Najihah Abdul Mutalib. 2008. *Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan sebelum dan selepas merdeka*. Bintulu: Penerbit UPM.
- Neuman W L. 2006. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*, 6th edn. Allyn& Bacon, Boston
- Sarawak 2010. *Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sarawak*. Kuching. Sarawak
- Postill, J.R. 2000. *Borneo again: Media, Social Life and nation-building among the Iban of Malaysian Borneo*. London: University College London.
- Ryoji S. 2006. Agents on the move: The living strategy of indigenous people in Sarawak, Malaysia. *The Annual Report on Cultural Science*. Hokkaido University. Volume 119: 79-101.
- Tan Chee Beng. 1997. *Ethnic groups, ethnogenesis and ethnic identities: Some examples from Malaysia*. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Taschi T. S. & Tareef, H. K. 2014. Reimagining Iban longhouses in urban context: A study in Sarawak, Malaysia. *Scottish Journal of Arts, Social Sciences and Scientific Studies*. volume 18(1): 3-11.

Novel Lyndon & Hubert Ron Ragam

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Email: novel@ukm.edu.my

Mohd Helmi Abd. Rahim

Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor